Metodologi sistem adalah sekumpulan prosedur yang digunakan untuk menganalisis, merancang, dan melaksanakan sistem informasi. Metodologi sistem adalah sekumpulan prosedur yang digunakan untuk menganalisis, merancang, dan melaksanakan sistem informasi.

## METODOLOGI SISTEM

- 1.1.1. Metodologi Sistem
- 1.1.2. Metodologi Sistem
- 1.1.3. Metodologi Sistem
- 1.1.4. Metodologi Sistem
- 1.1.5. Metodologi Sistem
- 1.1.6. Metodologi Sistem
- 1.1.7. Metodologi Sistem
- 1.1.8. Metodologi Sistem
- 1.1.9. Metodologi Sistem
- 1.1.10. Metodologi Sistem
- 1.1.11. Metodologi Sistem
- 1.1.12. Metodologi Sistem
- 1.1.13. Metodologi Sistem
- 1.1.14. Metodologi Sistem
- 1.1.15. Metodologi Sistem
- 1.1.16. Metodologi Sistem
- 1.1.17. Metodologi Sistem
- 1.1.18. Metodologi Sistem
- 1.1.19. Metodologi Sistem
- 1.1.20. Metodologi Sistem
- 1.1.21. Metodologi Sistem
- 1.1.22. Metodologi Sistem
- 1.1.23. Metodologi Sistem
- 1.1.24. Metodologi Sistem
- 1.1.25. Metodologi Sistem
- 1.1.26. Metodologi Sistem
- 1.1.27. Metodologi Sistem
- 1.1.28. Metodologi Sistem
- 1.1.29. Metodologi Sistem
- 1.1.30. Metodologi Sistem
- 1.1.31. Metodologi Sistem
- 1.1.32. Metodologi Sistem
- 1.1.33. Metodologi Sistem
- 1.1.34. Metodologi Sistem
- 1.1.35. Metodologi Sistem
- 1.1.36. Metodologi Sistem
- 1.1.37. Metodologi Sistem
- 1.1.38. Metodologi Sistem
- 1.1.39. Metodologi Sistem
- 1.1.40. Metodologi Sistem
- 1.1.41. Metodologi Sistem
- 1.1.42. Metodologi Sistem
- 1.1.43. Metodologi Sistem
- 1.1.44. Metodologi Sistem
- 1.1.45. Metodologi Sistem
- 1.1.46. Metodologi Sistem
- 1.1.47. Metodologi Sistem
- 1.1.48. Metodologi Sistem
- 1.1.49. Metodologi Sistem
- 1.1.50. Metodologi Sistem
- 1.1.51. Metodologi Sistem
- 1.1.52. Metodologi Sistem
- 1.1.53. Metodologi Sistem
- 1.1.54. Metodologi Sistem
- 1.1.55. Metodologi Sistem
- 1.1.56. Metodologi Sistem
- 1.1.57. Metodologi Sistem
- 1.1.58. Metodologi Sistem
- 1.1.59. Metodologi Sistem
- 1.1.60. Metodologi Sistem
- 1.1.61. Metodologi Sistem
- 1.1.62. Metodologi Sistem
- 1.1.63. Metodologi Sistem
- 1.1.64. Metodologi Sistem
- 1.1.65. Metodologi Sistem
- 1.1.66. Metodologi Sistem
- 1.1.67. Metodologi Sistem
- 1.1.68. Metodologi Sistem
- 1.1.69. Metodologi Sistem
- 1.1.70. Metodologi Sistem
- 1.1.71. Metodologi Sistem
- 1.1.72. Metodologi Sistem
- 1.1.73. Metodologi Sistem
- 1.1.74. Metodologi Sistem
- 1.1.75. Metodologi Sistem
- 1.1.76. Metodologi Sistem
- 1.1.77. Metodologi Sistem
- 1.1.78. Metodologi Sistem
- 1.1.79. Metodologi Sistem
- 1.1.80. Metodologi Sistem
- 1.1.81. Metodologi Sistem
- 1.1.82. Metodologi Sistem
- 1.1.83. Metodologi Sistem
- 1.1.84. Metodologi Sistem
- 1.1.85. Metodologi Sistem
- 1.1.86. Metodologi Sistem
- 1.1.87. Metodologi Sistem
- 1.1.88. Metodologi Sistem
- 1.1.89. Metodologi Sistem
- 1.1.90. Metodologi Sistem
- 1.1.91. Metodologi Sistem
- 1.1.92. Metodologi Sistem
- 1.1.93. Metodologi Sistem
- 1.1.94. Metodologi Sistem
- 1.1.95. Metodologi Sistem
- 1.1.96. Metodologi Sistem
- 1.1.97. Metodologi Sistem
- 1.1.98. Metodologi Sistem
- 1.1.99. Metodologi Sistem
- 1.1.100. Metodologi Sistem



## BAB 3 : METODOLOGI SISTEM

### 3.1 Model Pembangunan Sistem

Untuk membangunkan sesebuah sistem yang sistematik dan berjalan mengikut jadual pembangunan sistem, maka ia memerlukan kepada sebuah model pembangunan sistem untuk dijadikan sebagai rujukan. Begitu juga untuk Sistem Kiosk Ilmu Tauhid di laman web, selepas di jalankan analisis dan kajian, maka model pembangunan sistem yang diperlukan adalah **Model Air Terjun (Waterfall)**.

Berikut adalah beberapa sebab **Model Air Terjun** dipilih sebagai model pembangunan sistem :


- a. Model ini sangat berguna dan senang untuk diterangkan kepada para pengguna yang tiada pengalaman berkenaan prosedur pembangunan sistem dan perisian.
- b. Model ini mempersembahkan kepada pandangan peringkat yang sangat tinggi yang mana ia mencadangkan kepada pembangun sistem jujukan kejadian yang perlu dibangunkan terlebih dahulu bagi mengelakkan sesuatu sistem mengalami kerugian ketika dibangunkan.
- c. Bagi setiap aktiviti proses, penguuran dan perancangan dilakukan supaya pengurus projek dapat menggunakan model untuk menentukan

sejauh mana projek telah lengkap mengikut jangkamasa yang telah ditetapkan.

- d. Jika terdapat sebarang kesilapan atau jurubina cuba untuk membuat perubahan samada penambahan atau pengurangan, maka jurubina sistem dapat berpatah balik kepada fasa yang sebelumnya.
- e. Jurubina dapat pergi kemana-mana fasa yang dirasakan perlunya perubahan ketika fasa penyelenggaraan.



### 3.1.1 Rajah Model



**Rajah 2 - Rajah Model Pembangunan Sistem Air Terjun**

### **3.1.2 Fasa-fasa Model**

Model Air Terjun ini terbahagi kepada 5 fasa :

- a. Fasa Analisis ;
- b. Fasa Rekabentuk ;
- c. Fasa Pengkodan ;
- d. Fasa Pengujian dan ;
- e. Fasa Penyelenggaraan

#### **3.1.2.1 Fasa Analisis**

Langkah pertama yang dilakukan adalah mentakrifkan tujuan sebenar sistem ini dibangunkan. Termasuklah menentukan objektif sistem dan skop sistem sebagai landasan pelaksanaan sistem nanti.

#### **3.1.2.2 Fasa Rekabentuk**

Fasa ini hanya melibatkan masa yang singkat kerana ia cuma melibatkan rekabentuk luaran. Antara rekabentuk yang terlibat adalah :

- a) Rekabentuk skrin dan ;
- b) Rekabentuk struktur sistem



### **3.1.2.3 Fasa Pembangunan**

Dalam fasa ini, pembangunan sistem adalah merujuk jadual pembangunan sistem yang telah dirancang.

### **3.1.2.4 Fasa Pengujian**

Pengujian akan dilakukan oleh para pengguna terhadap sistem yang telah siap dibangunkan. Di sini, para pengguna boleh memberikan komen dan kritikan terhadap sistem yang telah siap. Andaikata sistem tersebut telah menepati kehendak pengguna maka tiada perubahan yang perlu dilakukan. Andaikata sebaliknya pula, maka jurubina sistem perlu melakukan samada penambahan atau pengurangan terhadap sistem yang telah siap itu.

### **3.1.2.5 Fasa Penyelenggaraan**

Sistem yang telah siap akan melalui proses penyelenggaraan. Ini bertujuan untuk membuat sebarang perubahan pada sistem. Perubahan ini biasanya dilakukan pada setiap fasa.

### 3.2 Keperluan Sistem

Bagi menghasilkan suatu sistem yang baik dan bermutu serta ramah pengguna (*user-friendly*), beberapa perkara yang perlu dititikberatkan dan perlu diberi perhatian. Diantaranya adalah keperluan sistem terhadap perkakasan (*hardware*) dan perisian (*software*). Pada bahagian ini, akan membincangkan tentang keperluan minima bagi sesebuah sistem dan keperluan cadangan bagi Sistem Kiosk Ilmu Tauhid di laman web.

#### 3.2.1 Spesifikasi Perkakasan

Untuk keperluan minima bagi sesebuah sistem, antara keperluan perkakasan yang diperlukan adalah :

- i. Peranti Hasil : Monitor, pencetak
- ii. Peranti Input : Tetikus, papan kekunci
- iii. Ingatan Capaian Rawak (RAM): 8Mb
- iv. Cakera Keras : 2.1Gb
- v. Sistem Pengoerasian : Windows 95

Sementara keperluan yang dicadangkan bagi pembangunan *SisKit* adalah seperti berikut :

- i. Peranti Input : Tetikus, papan kekunci dan pengimbas.

- ii. Peranti Hasil : Monitor 15 inci, pencetak Canon BJC.
- iii. Ingatan Capaian Rawak (RAM): 64Mb
- iv. Cakera Keras : 4.0 Gb
- v. Sistem Pengoperasian : Windows Me/Windows 98
- vi. Pemprosesan Intel Pentium III 333MHz

### **3.2.2 Spesifikasi Perisian**

Bagi membantu pembangunan Sistem Kiosk Ilmu Tauhid, berikut adalah beberapa spesifikasi perisian yang diperlukan :

#### **3.2.2.1 Adobe Photoshop**

Perisian ini digunakan di dalam penyuntingan imej, penukaran fail, kesan-kesan digital, alat untuk foto imej dan pewarnaan untuk menjadikan ia sebagai salah satu pakej grafik yang menarik.

#### **3.2.2.2 Microsoft Word**

Digunakan bagi penulisan teks dan pengeditannya.



### **3.2.2.3 Microsoft Visual Interdev 6.0**

Merupakan sebuah perisian yang digunakan untuk membangunkan laman web. Ia merupakan satu produk daripada syarikat Microsoft selepas Microsoft FrontPage. Microsoft Visual Interdev (MVI) mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan FrontPage.

### **3.2.2.4 Personal Web Sever**

Personal Web Server atau PWS digunakan sebagai server yang berfungsi di atas sistem yang 'standalone'.

### **3.2.2.5 Java Applet**

Bagi menghasilkan grafik pada web.

## **3.3 Spesifikasi Sistem**

### **3.3.1 Fungsian**

Keperluan Fungsian adalah merupakan fungsi yang diharapkan oleh para pengguna daripada sistem yang telah dibina. Ia merupakan kebolehan-kebolehan yang ada pada sistem disamping menerangkan tentang interaksi antara sistem dan persekitarannya [17]. Bagi sistem ini terdapat 6 bahagian yang utama :

a. **Modul Pengenalan**

Bahagian hanya menerangkan tentang pengenalan sistem kepada para pengguna. Di samping itu juga mengandungi kata-kata aluan daripada penulis kepada para pengguna yang menggunakan laman ini.

b. **Modul Pendefinisian**

Bahagian ini pula akan pergi kepada matlamat pembinaan laman iaitu penyampaian makluma yang berkaitan tauhid dengan dimulakan dengan pendefinisian pada akidah dan tauhid. Antara akidah dan tauhid tiadalah perbezaan yang amat ketara kerana tauhid itu sendiri adalah sebahagian daripada akidah. Tetapi disini ia menerangkan maksud akidah dan tauhid dan seterusnya para pengguna akan diterangkan tentang kaitan antara akidah dan tauhid.

Sebenarnya apabila disebut akidah, ia adalah sinonim dengan tauhid. Begitu juga dengan perkataan *kalam*, juga sinonim dengan tauhid dan akidah.

Diterangkan juga di dalam bahagian ini tentang keistimewaan akidah pada kehidupan seharian yang jarang diperjelaskan, pengaruh akidah dan jenis-jenis tauhid.

**c. Modul Sejarah**

Para pengguna akan diterangkan tentang ilmu yang membahaskan tentang ilmu tauhid iaitu ilmu kalam yang dikaitkan dengan sejarah kewujudan ilmu tersebut dan faktor-faktor yang menyumbang kepada kemunculan ilmu kalam.

**d. Modul Iman**

Memperjelaskan tentang keimanan. Ditempatkan di modul yang khusus agar para pengguna dapat menghayati tentang konsep keimanan. Diterangkan juga tentang definisi iman, perkara-perkara yang meningkatkan iman dan perkara-perkara yang membatalkan iman. Disini juga, sebagai golongan ahli Sunnah wal Jamaah, diperjelaskan corak keimanannya yang berbeza daripada golongan-golongan yang lain.



e. **Modul Firqah Aliran Akidah**

Modul ini menerangkan tentang cabangan mazhab yang berlainan tentang konsep akidahnya di dalam Islam. Di samping menyebut beberapa nama-nama mazhab tersebut untuk tatapan pengguna dan yang penting adalah menerangkan dengan jelas dan padat tentang akidah ahli Sunnah wal Jamaah.

f. **Modul Ajaran-ajaran Sesat**

Di sini lebih menjuruskan kepada isu-isu ajaran sesat yang berleluasa (tanpa condong kepada mana-mana pihak). Para pengguna akan diperjelaskan tentang definisi ajaran sesat, ciri-ciri yang ada pada ajaran sesat supaya dapat dikenalpasti, implikasinya terhadap masyarakat dan penyенераaian beberapa ajaran sesat yang terdapat di dalam dan diluar Malaysia.

**3.3.2 Bukan Fungsian**

Keperluan Bukan Fungsian adalah kekangan (*constraint*) yang mana mesti beroperasi untuk mengatasi kekangan ini. Antara keperluan Bukan Fungsian bagi sistem ini adalah :

i. *Kecekapan*

Kecekapan alam teknologi komputer bermaksud sesuatu prosedur boleh dipanggil atau dicapai beberapa kali akan menghasikan keluaran yang sama.

ii. *Kebolehpercayaan*

Sistem yang akan dihasilkan ini adalah boleh dipercayai dari segi kos, iaitu ia tidak akan dibebankan dengan kos yang tinggi apabila digunakan dengan cara yang betul dan mengikut prosedur atau tatacara yang telah ditetapkan.

iii. *Keselamatan*

Mempunyai ciri-ciri keselamatan ketikan menerima capaian data ataupun ketika membuat capaian. Contohnya kawalan katalaluan.

iv. *Keberkesanan*

Keberkesanan bermaksud skrin input dan output mempunyai tujuan yang khusus dalam sistem.

v. *Keringkasan*

Skrin dan borang yang terdapat pada sistem disusun dengan teratur dan di dalam bentuk yang ringkas untuk memudahkan pengguna.

vi. *Antaramuka yang menarik*

Adalah perlu untuk mewujudkan antaramuka yang menarik pada sistem. Ini kerana ia akan mempengaruhi pengguna agar berminat untuk menggunakannya. Penampilan antaramuka yang menarik akan menambahkan *mood* pengguna.

vii. *Maklumbalas yang cepat*

Sistem ini perlu memberikan maklumbalas yang cepat terhadap keperluan pengguna. Oleh itu, sistem ini memerlukan kepada kelajuan dan memori yang luas.

viii. *Kesahihan*

Sistem ini melibatkan kepada fakta-fakta. Maka adalah penting untuk memastikan segala fakta-faktanya adalah sahih dan betul. Untuk mendapatkan kesahihan ini maka ia memerlukan perakuan daripada mereka yang pakar dan ahli. Di samping itu, penggunaan teknologi komputer juga memerlukan perakuan daripada pakar komputer.

xi. *Boleh difahami*

Pendekatan yang digunakan untuk sistem ini adalah mudah dan sesuai serta selari dengan kehendak dan kemampuan pengguna. Contohnya pada penggunaan bahasa pada sistem. Walaupun bahasa




yang diterapkan nanti adalah Bahasa Melayu, namun bukanlah dengan menggunakan istilah dan gaya bahasa sehigga menyusahkan pengguna.


3.4 Fasa Rekabentuk

3.4.1 Rekabentuk Struktur


Sistem Kiosk Ilmu Tauhid dibahagikan kepada 6 modul yang paling utama sekali : Modul Pengenalan Sistem, Modul Takrifan, Modul Sejarah, Modul Iman, Modul Firqah Aliran Akidah, dan Modul Ajaran-Ajaran Sesat.




Rajah 3 - Modul Utama Sistem



**Rajah 4 - Submodul bagi Modul Pengenalan Sistem**




**Rajah 5 - Submodul bagi Modul Sejarah**




**Rajah 6 - Submodul bagi Modul Pentakrifan dan Pendefinsian**






**Rajah 7 - Submodul bagi Modul Iman**




**Rajah 8 - Submodul bagi Modul Firqah Aliran Akidah**



**Rajah 9 - Submodul bagi Modul Ajaran-ajaran Sesat**





**Rajah 10 - Submodul bagi Modul Qadha' dan Qadar**

### **3.4.2 Rekabentuk Skrin**

#### **3.4.2.1 Garis Panduan Rekabentuk Skrin**

Rekabentuk sistem adalah amat penting bagi menarik minat para pengguna sistem. Jurubina sistem perlulah membina skrin yang betul-betul menepati objektif sistem.


Bagi memenuhi objektif pembinaan skrin sistem, beberapa garis panduan dipertimbangkan sebagai panduan untuk pembinaan skrin. Antara garis panduan yang diarsakan perlu adalah :

- a. Skrin yang menarik melalui kekereatifan jurubina sistem.
- b. Mudah difahami dan senang digunakan oleh para pengguna (user freindly).
- c. Keseragaman perlu dititikberatkan contohnya warna, agar ia tidak terlalu *fancy*.

- d. Pengguna tidak akan menghadapi masalah dengan skrin yang dibina.
- e. Paparan mesej adalah diperlukan pada setiap butang yang dihalakan.
- f. Arahan pada setiap hendaklah JELAS dan TEPAT serta mudah DIFAHAMI.
- g. Bagi mengelakkan kekeliruan, setiap fungsi pada skrin perlu ditempatkan secara berdekatan.
- h. Pengguna boleh menggunakan skrin dengan pelbagai cara samada melalui tetikus dan papan kekunci.



3.4.2.2 Cadangan Rekabentuk Skrin



Rajah 11 - Rajah Menu Utama

# Sistem Kiosk Ilmu Tauhid

## - PENGENALAN SISTEM -

Kata Aluan Penulis

Tujuan Pembinaan Sistem

Ke Menu  
Utama

**Rajah 12 - sub Menu Utama : Pengenalan Sistem**

## Sistem Kiosk Ilmu Tauhid

### - PENTAKRIFAN DAN PENDEFINISIAN-

Takrif Akidah

Takrif Tauhid

Kaitan Antara Akidah  
Dan Tauhid

Pengaruh Akidah  
Dalam Kehidupan

Keistimewaan Akidah

Jenis-Jenis Tauhid

Ke Menu  
Utama

**Rajah 13 - sub Menu Utama :Pentakrifan dan Pendefinisian**



## Sistem Kiosk Ilmu Tauhid

### - SEJARAH ILMU KALAM-

Definisi Ilmu Kalam

Sejarah Perkembangan Ilmu  
Kalam

Faktor Perkembangan Ilmu  
Kalam

Ke Menu  
Utama

**Rajah 14 - sub Menu Utama :Sejarah Ilmu Kalam**

## Sistem Kiosk Ilmu Tauhid

### - IMAN -

Takrif Iman

Takrif Iman

Takrif Iman

Rukun  
Iman

Rukun  
Islam

Perkara Yang  
Membatalkan Iman

Ke Menu  
Utama

**Rajah 15 - sub Menu Utama :Iman**

## Sistem Kiosk Ilmu Tauhid

### - FIRQAH-FIRQAH ALIRAN KALAM-

Takrif Firqah

Sejarah Kemuculan

Faktor -faktor  
Perkembangan

Firqah-firqa Aliran  
Akidah

Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah

Ke Menu  
Utama

**Rajah 16 - sub Menu Utama :Firqah-firqah Aliran Akidah**



## Sistem Kiosk Ilmu Tauhid

### - AJARAN-AJARAN SESAT -

Takrif Ajaran Sesat

Sejarah Ajaran Sesat

Jenis-Jenis Ajaran  
Sesat

Implikasi Ajaran  
Sesat

Ajaran Sesat di  
M'sia

Ajaran Sesat di Luar  
M'sia

Langkah Pembasmian

Ke Menu  
Utama

**Rajah 17 - sub Menu Utama :Ajaran-Ajaran Sesat**

## Sistem Kiosk Ilmu Tauhid

Makna Qadha' dan  
Qadar

Larangan  
Memperkatakan Qadar

Beriman Dengan Qadar  
dan Faedahanya

Kerahsiaan Qadar

Usaha dan  
Takdir

Ke Menu  
Utama

**Rajah 18 – Submenu Menu Utama : Qadha' dan Qadar**





## **BAB 4 : IMPELEMENTASI SISTEM**

### **4.1 Pengenalan**

Perlaksanaan Sistem Kiosk Ilmu Tauhid Di Web (*SisKIT*) telah melalui beberapa perancangan yang teliti. Perancangan yang dilakukan adalah untuk memastikan sisten yang akan terhasil nanti adalah sebuah sistem yang mempunyai ciri-ciri yang istimewa yang diperlukan pada mana-mana sistem yang dibangunkan. Ketelitian yang dilakukan terhadap perancangan sistem ini melalui beberapa pendekatan yang dirasakan wajar dilaksanakan. Berikut pendekatan yang telah diambil di dalam perlaksanaan sistem ini :

1. Persekitaran pembangunan
2. Perlaksanaan sistem

#### **4.1.1 Persekitaran Pembangunan**

Di dalam persekitaran pembangunan, elemen yang terpenting yang akan membantu pembangunan sesebuah sistem adalah perkakasan dan perisian. Keduanya akan mempengaruhi pembangunan sistem dan justeru itu analisa dan kajian di lakukan bagi memastikan sejauh manakah elemen perkakasan dan perisian yang dipilih nanti akan membantu pembangunan sistem. Keberkesanan perkakasan dan perisian juga akan mempengaruhi capaian masa. Ini kerana sistem yang dilaksanakan, sekiranya pemprosesannya adalah perlahan maka capaian masanya juga akan lambat. Keberhatian di dalam aspek ini akan menjimatkan masa dan kos pembangunan dari sudut pembangunan semula yang dapat

dielakkan. Setelah analisis di lakukan, maka keputusan yang diperolehi adalah seperti berikut:

4.1.1.1 Perkakasan

Perkara	Jenis Perkakasan
Peranti Input	1. Tetikus 2. Papan kekunci 3. CD-ROM
Peranti Hasil	1. Monitor 2. Pencetak
Ingatan Capaian Rawak	64 MB
Cakera Keras	4.0 GB
Sistem Pengoperasian	Windows
Pemproses	Intel Penthium 2
Kelajuan Pemproses	333 MHz

#### 4.1.1.2 Perisian

Spesifikasi perisian yang telah dikenalpasti dapat membantu pembangunan sistem ini adalah :

Perisian	Fungsi Penggunaan
Microsoft Visual Interdev	Pembinaan laman web
Windows 98	Antaramuka pemprosesan untuk melaksanakan Windows 2000
Adobe Photoshop	Editan imej dan grafik
Java Applet	Grafik pada web
Microsoft Word	Teks, gambarajah,

#### 4.1.1.3 Penggunaan Java Applet

Pada awal pembangunan kiosk ini, disebabkan konsep yang ada pada web ini adalah statik, penampilan yang dibina juga adalah berupa statik. Tetapi, setelah difikirkan beberapa kali, maka adalah lebih baik untuk menggunakan Java Applet untuk menampilkan ciri-ciri yang lebih menarik lagi.







Penggunaan Java Applet, lebih digunakan di dalam pembinaan menu utama kiosk ini. Setelah menggunakan pengkodan Java Applet, maka dapatlah disimpulkan bahawa :

1. Java Applet dapat digunakan di dalam perisian Microsoft Visual Interdev;
2. Java Applet dan Visual Interdev ataupun Front Page sekalipun, senang dipelajari dan perisian tersebut mampu menghasilkan web yang menarik;
3. Kemampuan Java Applet sebagai daya penarik dalam menghasilkan web yang mampu menarik perhatian pengguna walaupun web tersebut amat 'simple' dan;
4. Kod aturcara yang digunakan oleh jurubina sistem ini tidak akan dapat dilihat oleh pengguna apabila mereka melayari web ini. Justeru itu, web ini dapat mengekalkan kerahsian dan keselamatannya.

#### **4.1.2 Aliran Perlaksanaan Kiosk**


Aliran perlaksanaan web menggambarkan aliran penggunaan web. Ia amat diperlukan di dalam pembinaan web agar pengguna tidak menghadapi sebarang masalah untuk menggunakannya. Kewujudan aliran web juga adalah untuk memastikan kesusunan operasi dalam web

dan kebolehgunaannya. Antara simbol-simbol yang terlibat di dalam aliran ini adalah :

Simbol	Penerangan
	Proses pengoperasian web/sistem. Ia memberi maksud 'mula' dan 'tamat'.
	Entiti bagi setiap proses yang berlaku.
	Pemilihan perlaksanaan samada diteruskan atau sebaliknya.
	Penunjuk bagi arah aliran proses yang seterusnya.

**Rajah 18 - Simbol Aliran Kiosk**

4.1.4 Gambarajah Aliran Web



Rajah 19 - Carta Alir SisKIT



## 5.1 PENGUJIAN SISTEM

### Kelebihan Penerimaan

Salah satu aspek utama keberhasilan sebuah program atau aplikasi adalah penerimaan pengguna. Ini melibatkan berbagai faktor program seperti cara yang mudah di dalam akses untuk menggunakan sistem yang telah disediakan program itu. Pengguna akan menerima dan menggunakan sistem yang memiliki cara yang mudah. Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan pengguna meliputi kemampuan sistem untuk menyediakan informasi yang dibutuhkan pengguna dan kemampuan sistem untuk menyediakan informasi yang dibutuhkan pengguna.

# BAB 5

## PENGUJIAN SISTEM

Salah satu aspek utama keberhasilan sebuah program atau aplikasi adalah penerimaan pengguna. Ini melibatkan berbagai faktor program seperti cara yang mudah di dalam akses untuk menggunakan sistem yang telah disediakan program itu. Pengguna akan menerima dan menggunakan sistem yang memiliki cara yang mudah. Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan pengguna meliputi kemampuan sistem untuk menyediakan informasi yang dibutuhkan pengguna dan kemampuan sistem untuk menyediakan informasi yang dibutuhkan pengguna.

Salah satu aspek utama keberhasilan sebuah program atau aplikasi adalah penerimaan pengguna. Ini melibatkan berbagai faktor program seperti cara yang mudah di dalam akses untuk menggunakan sistem yang telah disediakan program itu. Pengguna akan menerima dan menggunakan sistem yang memiliki cara yang mudah. Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan pengguna meliputi kemampuan sistem untuk menyediakan informasi yang dibutuhkan pengguna dan kemampuan sistem untuk menyediakan informasi yang dibutuhkan pengguna.

## **BAB 5 :PENGUJIAN SISTEM**

### **5.1 Keperluan Pengujian**

Sebelum sesebuah sistem diserahkan kepada pelanggan atau sebelum ia digunakan oleh para pengguna, ia perlulah melalui proses pengujian seperti mana yang terdapat di dalam aliran rajah pembangunan sistem yang turut melibatkan pengujian sistem. Pengguna atau pelanggan mengharapkan sesuatu yang berbaloi dan berguna untuk mereka. Lantaran itulah, pengujian yang akan dilakukan adalah untuk memastikan bahawa sistem yang akan diserahkan kepada mereka adalah benar-benar sempurna dan pengguna akan berpuashati dengannya.

Di dalam fasa pengujian, apa yang penting adalah segala ralat atau kesilapan yang ada pada sistem samada kecil atau besar dapat dikesan dan diperbaiki. Di samping itu juga, perubahan-perubahan yang dilakukan ketika pembinaan sistem turut memerlukan kepada pengujian agar perubahan yang dilakukan itu tidak akan menimbulkan konflik kepada ciri-ciri sistem yang telah ada.

Proses pengujian adalah suatu fasa di dalam pembinaan sesebuah sistem yang amat penting dan amat dititikberatkan oleh mana-mana jurubina sistem. Jika seseorang jurubina sistem tidak melakukan pengujian terhadap sistem yang dilaksanakan, maka dia seolah-olah telah mengetepikan kualiti sistem. Tanpa pengujian, bermakna jurubina sistem telah merelakan ralat berlaku di dalam sistemnya.

Proses pengujian perlulah dilaksanakan dengan sistematik dan bukannya secara *random* atau rawak. Dengan kesistematikan pengujian, jurubina akan dapat mengesan secara terperinci ralat yang ada.

Setiap subsistem atau modul perlu melalui proses pengujian agar sistem yang terasil nanti adalah seperti mana yang diharapkan oleh pelanggan. Sebelum digunakan oleh pengguna, setiap modul perlulah diuji dan disemak agar modul-modul tersebut dapat beroperasi sepertimana yang dirancangkan. Ujian yang dilakukan adalah merangkumi segala antaramuka antara modul, kesahihan output, kegunaan dan kefahaman bagi dokumentasi dan output bagi sistem.

## **5.2 Jenis Pengujian**

Terdapat beberapa jenis pengujian yang dilakukan pada sistem yang telah dibina.

Antara pengujian tersebut adalah:

- a. Pengujian unit;
- b. Pengujian modul;
- c. Pengujian sistem dan;
- d. Pengujian penyelenggaraan.

### **5.2.1 Pengujian Unit**

Pengujian unit adalah untuk :

- a. Menerima input dari sesuatu unit dan menghasilkan output sepertimana



yang diperlukan oleh unit tersebut;

b. Kesahihan aliran keputusan yang dihasilkan dan;

c. Laluan keputusan ralat.

Di dalam pengujian unit, satu pendekatan pengujian telah dipilih bagi melaksanakan pengujian. Pendekatan tersebut adalah pendekatan atas-bawah ( *Top-Down Approach* ).

### **5.2.2 Pengujian Modul**

Modul adalah merupakan gabungan antara unit-unit. Dengan kata lain modul adalah lebih besar daripada unit. Sepertimana pengujian ke atas unit, pengujian yang sama perlu dilakukan ke atas modul untuk memastikan kesepaduan atau intergriti antara modul-modul. Kebanyakan ralat dikesan ketika pengujian modul dilakukan. Jadi, jika jurubina sistem tidak mengutamakan pengujian modul, sistem tidak akan terbina seperti mana yang diharapkan. Ini kerana terdapat kebantutan antara jalinan modul-modul. Lantas, ia memberi kesan yang buruk kepada pembinaan sistem.

### **5.2.3 Pengujian Penyelenggaraan**

Sebelum pengujian terakhir dilakukan secara keseluruhan, pengujian penyelenggaraan perlulah dilakukan terhadap sistem yang telah siap. Kesukaran untuk mengesan ralat akan terjadi sekiranya

penyelenggaraan tidak dilakukan oleh jurubina sistem. Berikut adalah tujuan utama pengujian penyelenggaraan dilakukan :

- a. Menyemak intergrasi antara modul-modul yang membentuk sistem;
- b. Memastikan ketidaksesuaian antaramuka modul-modul tidak berlaku dan;
- c. Kebolehgunaan sistem.

#### **5.2.4 Pengujian Sistem**

Pengujian sistem dilakukan di akhir pembangunan sistem. Ia merupakan pengujian keseluruhan terhadap sistem yang telah berjaya dibina. Namun begitu, tidaklah dikatakan berjaya andainya sistem yang dibina masih lagi mempunyai ralat pada akhirnya. Tujuan utama pengujian ini adalah untuk memastikan ketersusunan modul-modul dan unit-unit.

Untuk mengadakan pengujian sistem, maka setiap komponen yang terdapat di dalam SisKIT akan digabungkan. Gabungan antara komponen ini akan disatukan di bawah satu sistem yang besar dan proses pengoperasian akan dijalankan keatasnya. Antara tujuan-tujuan lain di dalam pengujian sistem adalah :

- a. Memastikan keinteraksian antara modul-modul tanpa berlakunya tanpa berlakunya konflik antara modul;
- b. Menguji samada pelaksanaan sistem adalah menuruti piawaiian yang diperlukan;
- c. Menguji kepantasan proses baikpulih jika terdapat ralat yang berlaku dan;
- d. Memastikan wujudnya kesepaduan dan keserasian antara perkakasan dan perisian yang digunakan untuk membina sistem.



## 10.1 PERBINCANGAN SISTEM

### 10.1.1 Maksud dan Tujuan SPSS

SPSS (Statistical Package for the Social Sciences) adalah perisian statistik yang digunakan untuk menganalisis data kuantitatif. Ia menyediakan pelbagai kaedah statistik untuk menganalisis data, termasuk analisis regresi, analisis variansi, analisis faktor, dan analisis cluster. SPSS juga menyediakan alat untuk menghasilkan grafik dan laporan statistik.

## BAB 6

## PERBINCANGAN SISTEM

## **BAB 6: PERBINCANGAN SISTEM**

### **6.1 Masalah dan Penyelesaian**

Tidak dapat dinafikan bahawa ketika pembinaan Sistem Kiosk Ilmu Tauhid ini, terdapat beberapa masalah yang menyulitkan perjalanan proses pembinaannya. Namun begitu, masalah-masalah tersebut dapat diatasi dengan baik melalui perbincangan antara rakan-rakan, perbincangan bersama penyelia sistem dan beberapa langkah yang telah diambil. Walau bagaimanapun, untuk menjelaskan masalah-masalah tersebut, dinyatakan dibawah ini secara ringkas masalah-masalah yang dihadapi ketika pembinaan sistem.

#### **6.1.1 Kesuntukan Masa**

Ketika pembinaan sistem ini, pelajar mengalami kesuntukan masa untuk menyiapkannya. Ini kerana jumlah minggu pembelajaran dalam semester ini telah dipendekkan disebabkan para pelajar tahun akhir akan menjalani latihan prakriakal. Kerana itu juga ada sesetengah pelajar yang telah menduduki peperiksaan akhir bagi sesetengah kertas kursus fakulti yang telah dilangsungkan sebelum cuti hari raya Aidilfitri. Di samping itu juga, pelajar berhadapan dengan jumlah jam kredit yang banyak dan juga tugas kursus yang diambil pada semester ini. Keadaan ini berlaku kerana ada sesetengah pelajar yang telah pun berada di tahun akhir dan ingin menghabiskan pengajian secepat mungkin.

#### **6.1.1.1 Penyelesaian**

Kesuntukan masa yang disedari menjadikan saya lebih berhati-hati untuk melakukan pembahagian yang sebijaknya. Tumpuan yang sepenuhnya diberikan kepada pembinaan sistem tanpa mengetepikan pelajaran-pelajaran yang lain yang turut diambil disamping WXET 3182. Kesungguhan dan ketabahan merupakan motivasi utama dalam menjayakan sistem ini.

#### **6.1.2 Antara Microsoft Visual Interdev, Microsoft Frontpage dan Java Applet**

Microsoft Visual Interdev (MVI) merupakan perisian yang terbaru daripada perisian Microsoft Frontpage (MF). Perisian MVI dan Java Applet merupakan bahasa pengaturcaraan yang baru digunakan oleh saya. Pengkodan Java Applet amat rumit bagi saya yang baru belajar untuk mendalami bahasa ini disamping MVI yang baru saya kenali, nampak agak cerewet dibandingkan dengan MF, yang mana pendapat saya MF lebih mudah dan 'freindly' dan mempunyai 'features' yang lebih dibandingkan dengan MVI.

#### **6.1.2.1 Penyelesaian**

Tiada cara lain yang dapat diambil untuk mengatasi masalah ini melainkan dengan mempelajari kedua-dua perisian ini samada melalui



rujukan buku ataupun melalui pertanyaan kepada rakan-rakan yang mempunyai pengetahuan terutamanya berkenaan Java Applet.

### **6.1.3 Kekurangan Pengalaman**

Ini adalah kali pertama saya membangunkan sebuah sistem. Pada sebelumnya, saya tiada sebarang pengalaman yang lebih dalam pembangunan sesebuah sistem. Sebelum ini, sistem yang dibina oleh saya, lebih 'straightforward' seperti sistem inventori dan sistem hanya sekadar paparan maklumat. Tapi bila ditugaskan untuk membangunkan kiosk ini, ia lebih kepada penggunaan kekreatifan dan kertersusunan dalam mengintergrasikan antara modul-modul sistem. Dibandingkan dengan sistem yang lain, web kiosk lebih dinilai kepada sejauh mana kreatifnya jurubina yang melaksanakan sistem tersebut.

#### **6.1.3.1 Penyelesaian**

Untuk menghasilkannya, pembahagian masa perlu dilakukan untuk mencari idea yang dapat mencetuskan kekreatifan. Sumber utama untuk cetusan idea adalah melalui kajian yang dilakukan di dalam internet dengan meneliti laman-laman web yang berunsurkan keislaman seperti laman Al-Ahkan, Mukmin dan Suluk. Tidak kurang juga bantuan dari rakan-rakan yang berupa sumbangan idea dan komen membina dalam membantu saya untuk menjayakan sistem kiosk ini.

#### **6.1.4 Ketelitian Dalam Fasa Analisa**

Ketika pembinaan sistem, tumpuan amat saya tumpukan ketika fasa analisa. Ini kerana kajian terperinci perlu dilakukan terhadap pengguna yang akan menggunakan sistem kiosk ini. Kajian yang dilakukan adalah keatas kehendak mereka yang bukan sahaja sama malahan berbeza kehendak.

##### **6.1.4.1 Penyelesaian**

Analisis banyak dijalankan dengan menggunakan borang soal-selidik yang diagihkan kepada para pengguna yang terdiri daripada kalangan pelajar dan juga orang-orang awam. Sintesis, iaitu hasil daripada analisis, dijadikan sebagai panduan untuk membina sistem seperti mana yang dikehendaki oleh pengguna. Kebanyakan pengguna memberikan maklumbalas yang baik dan mereka menunjukkan komitmen mereka untuk membantu dalam bentuk idea kepada saya.

#### **6.1.5 Bahan Rujukan**

Bahan rujukan terutamanya buku-buku yang berkaitan dengan Microsoft Visual Interdev agak sukar untuk diperolehi. Kebanyakan buku-buku yang berkaitan yang dijual di kedai-kedai telah kekurangan stok dan terpaksa menunggu stok baru yang akan datang. Begitu juga di perpustakaan utama UM, buku tersebut sukar diperolehi.

#### **6.1.5.1 Penyelesaian**

Bagi mengatasinya, saya telah membeli buku MVI versi 6 yang diperolehi di Pekan Buku UM. Buku tersebut adalah terbitan SAMS ditulis oleh Tom Archer. Kebanyakan rakan-rakan saya tidak mengetahui atau kekurangan pengetahuan berkenaan MVI dan mereka lebih kepada MF. Jadi saya telah mengambil langkah inisiatif untuk belajar dengan sendiri disamping fungsi MVI adalah lebih kurang sama dengan MF, maka ia dapat membantu dan memudahkan saya untuk menggunakannya.

### **6.2 Kelebihan Sistem Kiosk Ilmu Tauhid (SisKIT)**

#### **6.2.1 Ramah Pengguna**

Sistem yang dibangunkan mudah untuk digunakan oleh mana-mana pengguna pada setiap peringkat lapisan. Sistem ini menampilkan ciri-ciri seperti menu yang senang difahami oleh pengguna dan tidak menyusahkan mereka.

#### **6.2.2 Keceriaan Antaramuka**

Bagi mengekalkan keceriaan sistem ini, jumlah warna yang digunakan adalah minima dan kebanyakannya adalah warna-warna yang cerah terutamanya pada latarbelakang setiap laman teks. Disamping itu, sistem ini diselitkan dengan grafik dan gambar-gambar yang berkaitan bertujuan untuk menarik perhatian pelanggan atau pengguna. Begitu juga dengan susunan fungsi-fungsi yang



terdapat di dalam sistem ini. Ia telah disusun dengan baik dengan susunan yang tidak menyebabkan pengguna menghadapi kesukaran ketika menggunakannya.

### **6.2.3 Alternatif Antara Laman Lain**

Sebenarnya, laman-laman yang betul-betul membicarakan tentang akidah dan tauhid adalah kurang. Kebanyakan laman-laman lain yang terdapat di internet hanya menyelitkan sahaja perbincangan berkenaan akidah. Di samping itu, laman-laman tersebut lebih kepada perbincangan tauhid yang lebih dalam. Tetapi SisKIT menampilkan sistem yang dapat mengundang pengguna yang baru berjinak-jinak untuk mengetahui dan mendalami agama. Sebab itu, ketika analisa keatas pengguna, kebanyakan mereka kekurangan pengetahuan asas akidah dan mereka mengharapkan kepada sebuah sistem yang akan wujud nanti yang akan dapat membantu mereka dalam pengetahuan berkenaan.

### **6.2.4 Mudah Capaian (*Accessible*)**

Dengan adanya SisKIT di internet, diharapkan agar ia dapat membantu pengguna untuk mendalami pengetahuan akidah dengan baik lagi tidak kira pengguna tersebut adalah seorang muslim ataupun bukan muslim.

#### **6.2.4 Keselamatan dan Kerahsiaan**

Aspek keselamatan paling utama yang cuba dikekalkan di dalam sistem ini adalah untuk mengelakkan sebarang perubahan terlarang dilakukan ke atas segala maklumat yang dipaparkan. Begitu juga dikhuatiri, sesetengah pihak akan cuba mencerooboh sistem dan menggunakannya sebagai tapak untuk menyebarkan maklumat yang salah atau dakyah. Sedangkan nama yang digunakan adalah SisKIT seperti mana yang berlaku pada lama-laman web, nama laman tersebut adalah bercirikan Islam tetapi menyampaikan maklumat yang palsu dan menyebarkan ajaran-ajaran yang sesat.

#### **6.2.5 Kepelbagaian Maklumat**

Sistem Kiosk Ilmu Tauhid, bukan sekadar sebuah sistem yang mengajar kepada para pengguna untuk mengucap 2 kalimah syahadah semata-mata. Bahkan ia adalah sebuah sistem yang menampilkan kepelbagaian pengetahuan kepada para pengguna seperti perkara yang membatalkan iman, serangan ajaran-ajaran sesat dan banyak lagi perkara yang berkaitan dengan akidah.

### **6.3 Kelemahan/Kekangan Sistem**

Di samping menampilkan ciri-ciri istimewa yang terdapat pada sistem, SisKIT juga mempunyai beberapa kekurangan yang secara dasarnya memang disedari apabila

dibandingkan dengan mana-mana sistem yang lain. Berikut adalah kelemahan-kelemahan yang terdapat pada SisKIT:

### **6.3.1 Cadangan Kuiz Tauhid**

Sistem ini tidak mempunyai satu modul iaitu modul Kuiz Tauhid yang tidak dapat dilaksanakan kerana kesuntukan masa. Namun begitu, sekrang-kurangnya sistem ini telah memenuhi kehendak pembinaannya iaitu untuk memaparkan maklumat berkenaan ilmu tauhid dan akidah.

### **6.3.2 Carian Cepat**

Sistem ini juga tidak menyediakan kepada pengguna kaedah carian cepat dari A hingga Z. Walaupun keadah dirasakan perlu seperti mana perlunya modul Kuiz Tauhid, namun ia terkekang disebabkan kesuntukan masa.

### **6.3.3 Penggunaan Perisian Utama**

Perisian utama yang digunakan untuk membina laman sistem ini adalah Microsoft Visual Interdev. Disebabkan kekurangan pengetahuan untuk menggunakannya, maka ciri-ciri yang mampu ditampilkan oleh Microsoft Frontpage, tidak diketemui. Walaubagaimana pun di dalam masa pembinaan, dirasakan bahawa Frontpage mempunyai ciri-ciri yang lebih dibandingkan dengan Interdev. Namun begitu penggunaan Interdev diteruskan kerana ia merupakan



syarat keperluan pembinaan sistem seperti mana yang telah dikehendaki oleh penyelia dan moderator.

#### **6.3.4 Tiada Pangkalan Data**

Sistem ini lebih berupa kepada sebuah sistem yang statik semata-mata kerana ia tidak melibatkan pangkalan data. Ini disebabkan keperluan sistem ini hanyalah kepada paparan teks atau maklumat sahaja.

#### **6.3.5 Capaian Lambat**

Sistem mengalami capaian yang agak lambat. Ini disebabkan faktor sifatnya yang berupa web, ia banyak melibatkan kepada grafik. Tentu sekali penglibatan grafik terutamanya yang bersaiz besar akan melambatkan capaian kepada sistem.

#### **6.3.6 Tulisan Jawi**

Seperti mana di awal pembangunan, perancangan terhadap sistem ialah untuk memberikan pendedahan asas kepada pengguna-pengguna yang baru berjinak-jinak dengan agama. Jadi, penggunaan tulisan jawi dikhuatiri akan menyusahkan mereka yang tidak mengetahui atau tidak dapat membaca tulisan tersebut. Sebagai langkah permulaan sistem ini, teks yang digunakan adalah dengan memperkenalkannya di dalam tulisan rumi yang akan memudahkan

pemahaman pengguna. Di samping itu, penggunaan tulisan jawi berkemungkinan akan mengelirukan bacaan oleh pengguna yang bukan beragama Islam.

#### **6.4 Perancangan Masa Hadapan**

Pada masa akan datang, insyaAllah sistem ini akan di pertingkatkan mutunya (upgrade). Buat masa kini, sistem ini hanya mampu disediakan hanya sekadar menuruti kehendak seperti mana yang terkandung di dalam keperluan sistem. Sebagai langkah perancangan untuk masa hadapan, beberapa cadangan berada di dalam perancangan.

##### **6.4.1 Kuiz Tauhid**

Kuiz tauhid akan disediakan untuk pengguna setelah mereka mendalami segala maklumat yang ada di dalam sistem. Tujuan modul kuiz tauhid ini adalah untuk mengetahui sejauh manakah pengetahuan pengguna yang beragama Islam di dalam perkara akidah dan tauhid. Kuiz ini akan dijanakan secara 'online' dengan editor sistem. Sebelum menyertai kuiz ini, setiap pengguna akan menyertakan bersama maklumat peribadi mereka yang mana ia akan disimpan di dalam 'mailbox' editor. Dengan itu editor akan dapat mengesan kadar pengetahuan pengguna Islam berkenaan agama mereka dan editor akan dapat mengambil langkah seterusnya untuk mempertingkatkan keberkesanan maklumat di dalam sistem kepada pengguna.

#### **6.4.2 Kepelbagaian Maklumat**

Sistem ini akan cuba digandakan atau dipelbagaikan maklumat yang berkaitan dengan akidah. Contohnya, senarai imam-imam mujtahid, glosari hadis-hadis Nabi dan sebagainya.

#### **6.4.3 Sistem Audio dan Video**

Sistem audio dan video akan cuba diterapkan di dalam sistem ini pada masa akan datang. Audio digunakan untuk penyebutan kalimah-kalimah yang berkaitan seperti kalimah syahadah dan matan hadis.

#### **6.4.4 Kerjasama Antara Jabatan Agama**

Ada 2 sebab utama diadakan kerjasama antara jabatan agama. Pertama, adalah untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada pihak jabatan dalam pembangunan sistem pada masa akan datang. Disamping itu, segala persoalan daripada pengguna akan diajukan kepada jabatan dan dijawab oleh pakar-pakar agama. Kedua adalah mendapat kerjasama dengan jabatan agama dalam menangani laman-lama web yang bertemakan Islam tetapi sebenarnya mengandungi dakwah-dakwah palsu dan songsang. Sebagai 'webmaster', editor akan berusaha untuk menyenaraikan alamat laman-laman tersebut dan akan sedaya upaya dengan bantuan jabatan agama dalam menjawab segala dakwah mereka yang terlibat. Peringatan untuk berhati-hati kepada pengguna akan disampaikan agar tidak terpedaya dengan dakwah ini.



## 6.5 Kesimpulan

Bersyukur ke hadrat Allah taala, kerana saya telah berjaya menyiapkan projek tahun akhir ini dengan jayanya dan tepat pada masanya. Sepanjang pembinaan sistem ini yang dijalankan secara individu, banyak pengalaman yang telah dialami dan banyak pengetahuan yang telah diperolehi.

Sistem ini telah berjaya dibina seperti mana yang terkandung di dalam keperluan sistem. Namun begitu, agak terkilan juga banyak lagi kekurangan yang ada pada sistem ini seperti mana yang telah dinyatakan.

Walaubagaimanapun bagi saya, saat inilah banyak mengajar saya untuk berdikari dan menjalankan tugas berdasarkan kekangan masa yang telah ditetapkan. Begitu juga, dari sudut pengetahuan, projek ini meluangkan masa untuk saya mempelajari sesuatu yang baru dan sesuatu yang baru akan terasa nikmat mempelajarinya dengan usaha kita sendiri.

**Sistem Kiosk Ilmu Tauhid** atau singkatannya **SisKIT**, merupakan perintis kepada SisKIT yang lebih maju lagi pada masa hadapan. Pengalaman sekarang akan digunakan untuk memperbaiki kesilapan dan menambahkan kekurangan sistem ini. InysaAllah, semoga usaha ini akan berjaya. Amin.

# MANUAL PENGGUNA

## **MANUAL PENGGUNA**

### **Sistem Kiosk Ilmu Tauhid Di Laman Web (SisKIT)**

SisKIT merupakan sebuah sistem di laman web yang akan membantu pengguna dalam mendalami segala ilmu pengetahuan asas yang berkaitan dengan akidah dan tauhid.

### **Penerangan Fungsi Sistem**

Sebuah sistem yang memaparkan maklumat yang berkaitan dengan pengetahuan dan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan ilmu tauhid.

### **Perisian Untuk Pembangunan**

- i) Microsoft Visual Interdev 6
- ii) Java Applet
- iii) Hypertext Markup Language (HTML)
- iv) Adobe Photoshop
- v) Microsoft Words
- vi) Paint
- vii) Pelayar Internet

### **Perkakasan Untuk Pembangunan**

- i) Komputer peribadi
- ii) Memori
- iii) Pemacu CD-ROM



## 1. Skrin 1



### Alamat Lokasi

## 2. Skrin 2



### Menu Utama

Menu Utama terdiri daripada nama sistem, alamat sistem di laman web dan dua bentuk pilihan menu yang terdiri daripada menu bergambar dan menu berkotak.

### 3. Skrin 3



Menu Berkotak

Pengguna hanya perlu memilih kotak yang mengandungi tajuk-tajuknya. Seterusnya klik pada kotak yang dikehendaki.

### 4. Skrin 4



Menu Bergambar

Pengguna hanya perlu mengklik pada gambar yang telah disertakan dengan nama halaman yang akan dihubungkan.



## 5. Skrin 5




### Capaian Menu Utama

Berikut adalah contoh hasil capaian apabila pengguna mengklik pada mana-mana salah satu daripada menu utama samada yang berbentuk gambar atau berkotak. Capaian ini akan menghubungkan kepada submenu yang mengandungi kandungan yang terdapat di dalam tajuk yang tertera.




6. Skrin 6



Capaian Submenu Utama

## 7. Skrin 7



### Menu Pilihan Laman

Ruang menu utama juga menyediakan kepada pengguna nama-nama laman web Islam yang lain yang terdapat di dalam internet.




8. Skrin 8



Menu Pertanyaan

Menu utama juga disertakan dengan menu pertanyaan. Pengguna yang bermasalah dalam perkara agama atau mempunyai sebarang pandangan atau mempunyai idea untuk membangunkan web ini pada masa akan datang hanya perlu mengklik pada grafik e-mel. Ia akan menghubungkan pengguna kepada editor SisKIT di laman TauhidOnWeb.net

9. Skrin 9





## **BIBLIOGRAFI**

1. **Profesor T.M Hasbi Ash Shiddieqy, *Sejarah dan Pengantar Ilmu Kalam/Tauhid*, Bulan Bintang Jakarta**
2. **Abdulfatah Haron Ibrahim, *Ajaran Sesat, Mas'adah Sdn. Bhd.***
3. **Syahrin Jasah, *Asmaul Husna (99 Nama Allah) Rahsia dan Amalannya*, Darul Nu'man (DN)**
4. **Dr. Abdul Rahman 'Amirah, *Jalan Untuk Kita Mendekati Allah...*, Yayasan Islam Terengganu**
5. **<http://www.kiosks.org/toc.html>, *Kiosks : A Technological Overview*, Los Alamos National Laboratory**
6. **<http://www.netshift.com/primer.html>**
7. **<http://www.go.com>**
8. **<http://www.metacrawler.com>**
9. **<http://www.yahoo.com>**

10. **http://www.altavista.com**
11. **http://www.infoseek.com**
12. **Oxford Universiti Press**, *Dictionary of Computer*, Oxford Universiti Press (1983, 1986, 1990)
13. **Phillip B. Jordain**, *Condensed Computer Encyclopedia*, New York McGraw Hill Book Company (1969)
14. **Jerry M. Rosernbergh**, *Dictionary of Computer, Data Processing and Telecommunications*, John Wiley and Sons, Inc. (1984)
15. **Leiden E.J Brill**, *The Encyclopedia of Islam*, E.J Brill, Leiden, Netherlands (1971)
16. **Ensiklopedia Islam**, *PT Ichtiar Baru van Hoere*, Jakarta (1997)
17. **Pfleeger, Shari Lawrence**, *Software Engineering-Theory and Practice*, United States of America : Prentice Hall International, 1998
18. **Tom Archer**, *Microsoft Visual Interdev 6*, SAMS A Division of Macmillan Computer Publishing .

ANALISIS KEMAMPUAN

NET 601445 - Teknik Sistem Komputer dan Teknologi Internet

Sejarah Digi Kawan Lahirin Tahun 1 Untuk Projek

"Maka Kita Kita Terus"

BAHASA A : English Responden

1. Nama Responden :

# SOALSELIDIK

2. Alamat Responden :

3. No. Telefon Responden :

4. No. Faksimili Responden (jika ada) :



**AMINUDDIN BIN MUHAMMAD**

**WET 000245 - Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat**

**Soalselidik Bagi Kajian Latihan Ilmiah 1 Untuk Projek**

**" Sistem Kiosk Ilmu Tauhid "**

---

## **BAHAGIAN A : Maklumat Responden**

1. Apakah jantina anda ?

☐ Lelaki

☐ Perempuan

2. Berapakah umur anda ?

☐ 20 tahun dan kebawah

☐ 20 – 30 tahun

☐ 31 – 40 tahun

☐ 41 – 50 tahun

☐ 50 tahun dan ke atas

3. Apakah bidang pekerjaan yang sedang anda ceburi sekarang ?

☐ Kerajaan

☐ Swasta

☐ Bekerja sendiri

☐ Pelajar

☐ Lain-lain (Sila Nyatakan) \_\_\_\_\_

## BAHAGIAN B : Sumber Pencarian Maklumat Ilmu Tauhid

1. Jika anda diberi peluang untuk mendalami dan mempelajari ilmu tauhid dan akidah, adakah anda bersedia dan berminat untuk mempelajarinya ?

☐ Ya

☐ Tidak

2. Dimanakah anda boleh mendalami perkara tersebut ?

(Jawapan boleh lebih daripada satu)

☐ Ibu/bapa sendiri

☐ Surau/Masjid

☐ Media massa

☐ Internet

☐ Lain-lain sila nyatakan :

---

---

3. Berkaitan tentang kemantapan akidah/tauhid dalam diri anda, adakah anda menghadapi masalah dalam hal tersebut ? (Contohnya ragu-ragu terhadap keesaan Allah swt dsb.)

☐ Ya

☐ Tidak

4. Adakah anda tahu mengucap 2 kalimah syahadah ?

☐ Ya

☐ Tidak

5. Adakah ahli keluarga anda tahu mengucap 2 kalimah syahadah ?

☐ Ya

☐ Tidak

6. Adakah anda tahu apa itu Rukun Iman dan Islam ?

☐ Ya

☐ Tidak

7. Setakat manakah pengetahuan anda tentang ilmu yang berkaitan tentang tauhid/akidah ?

(Jawapan boleh lebih daripada satu)

☐ Rukun Islam

☐ Sifat 20

☐ Rukun Iman

☐ Asma'ul Husna (99 Nama Allah)

☐ Lain-lain (sila nyatakan) :

---

---



Jika "Ya", sila nyatakan masalah-masalah tersebut.

---

---

---

### BAHAGIAN C : Penggunaan Komputer Sebagai Kiosk Tauhid

1. Adakah anda tahu menggunakan komputer ?

☐ Ya

☐ Tidak

2. Pernahkah anda melayari Internet ?

☐ Ya

☐ Tidak

3. Jika pernah, dimanakah anda menggunakan perkhidmatan tersebut ?

☐ Rumah sendiri

☐ Kafe siber

☐ Pejabat

☐ Rumah kawan

☐ Lain-lain (sila nyatakan) \_\_\_\_\_

7. Pada pencetak anda, apakah maklumat kandungan yang perlu ada di dalam

4. Adakah anda tahu sebarang laman yang berkaitan tentang ilmu akidah/tauhid yang terdapat di dalam internet ?

☐ Ya

☐ Tidak

Jika "Ya" sila nyatakan nama laman internet tersebut :

---

---

5. Setujukah anda jika diadakan laman kiosk berkaitan ilmu tauhid/akidah di dalam internet ?

☐ Amat setuju

☐ Setuju

☐ Kurang setuju

☐ Tidak setuju

6. Apakah bahasa yang bersesuaian untuk digunakan bagi laman web kiosk Ilmu

Tauhid ini ?

☐ Bahasa Melayu

☐ Bahasa Inggeris

☐ Bahasa Arab

☐ Lain-lain (sila nyatakan) \_\_\_\_\_

7. Pada pendapat anda, apakah maklumat/kandungan yang perlu ada di dalam laman kiosk ilmu tauhid ? Sila nyatakan.

---

---

---

8. Berikan komen anda tentang cadangan untuk mewujudkan laman kiosk berkaitan ilmu tauhid di dalam internet, bagi membantu perkembangan dan kemantapan akidah umat Islam.

---

---

---

---

---

---

**## Terima kasih di atas kerjasama yang telah diberikan ##**